

TEKS UCAPAN

**YAB Dato' Sri Hj Fadillah bin Hj Yusof
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga
dan Transformasi Air (PETRA)**
Sempena
**Perasmian Cawangan Baharu Fresh Mart - Pasar Raya Pertama
Menggunakan Tenaga Solar**
Pekan Kapar, Selangor
9.30 pagi 17 Januari 2025 (Jumaat)

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur atas jemputan untuk merasmikan cawangan baharu Best Fresh Mart pada pagi yang mulia ini. Saya telah dimaklumkan bahawa, cawangan ini bakal dilengkapi dengan pemasangan sistem solar PV berkapasiti 111.3kWp (kilowatt peak), di bawah Program *Net Energy Metering* (NEM).

2. Untuk makluman, Program NEM ini merupakan salah satu inisiatif Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang telah diperkenalkan Kerajaan untuk memanfaatkan ruang bumbung bangunan bagi penjanaan elektrik daripada sumber solar. Di bawah Program ini, pemasangan sistem solar PV di bumbungan premis bangunan boleh dilakukan bagi menjana bekalan elektrik untuk kegunaan sendiri. Melalui program yang diperkenalkan sejak tahun 2016, lebih daripada

50,000 pengguna elektrik dari kategori domestik, komersil dan industri, telah mendapat bekalan elektrik hijau secara langsung daripada sistem solar PV yang dipasang.

3. Pepasangan sistem solar PV di Pasar raya Best Fresh Mart cawangan ini dijangka akan mendapat kira-kira 11,655kWj bekalan elektrik hijau sebulan untuk kegunaan sendiri. Usaha murni ini dijangka dapat mengurangkan kira-kira RM5,800 bil elektrik bulanan cawangan pasar raya, selain mencerminkan komitmen pihak syarikat dalam menyokong agenda peralihan tenaga negara yang diterajui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) iaitu meningkatkan campuran Tenaga Baru Boleh Baharu (TBB) dalam sistem pembekalan elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050.
4. Tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan Best Fresh Mart kerana telah mengorak langkah dan mengambil tindakan pro-aktif dalam mengurangkan jejak karbon dalam proses operasi pasar raya ini. Manfaat daripada pemasangan sistem solar PV yang dinikmati pihak Best Fresh Mart ini, juga boleh dinikmati oleh mana-mana pengguna elektrik kategori komersial dan industri yang berminat melalui penyertaan Program NEM NOVA yang masih mempunyai kuota berjumlah kira-kira 600MW.
5. Oleh itu, saya mempelawa agar lebih ramai pengguna boleh meneladani langkah bijak pihak Best Fresh Mart dengan merebut peluang untuk menyertai program NEM bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca dan memperkuuh agenda kelestarian

negara. Saya berharap tindakan Best Fresh Mart ini menjadi inspirasi kepada sektor perniagaan lain untuk turut serta menyokong pembangunan lestari.

Hadirin yang dihormati,

6. Izinkan saya beralih kepada agenda utama program ini, iaitu perasmian cawangan pasar raya Best Fresh Mart di Pekan Kapar ini. Saya melihat pembukaan cawangan ini bukan sekadar pengembangan (expansion) kepada rangkaian pasar raya Best Fresh Mart sedia ada, yang telah mempunyai 5 cawangan. Sebaliknya, ia merupakan terjemahan visi pengasas Syarikat iaitu Dato' Sri Low dalam mewujudkan saluran serta kepelbagaian dalam aspek pembekalan dan penawaran produk yang berkualiti pada harga yang berpatutan untuk manfaat komuniti setempat.
7. Saya yakin rangkaian pasar raya ini di bawah kelolaan Dato' Sri Low, yang mempunyai pengalaman melebihi tiga dekad dalam industri ini mampu berkembang dengan lebih baik dan cemerlang lagi. Saya percaya kejayaan Best Fresh Mart ini adalah bukti kepakaran dan dedikasi beliau serta seluruh pasukan pengurusan.
8. Akhir kata, besarlah harapan saya agar cawangan baharu Best Fresh Mart ini akan memberi sumbangan besar kepada komuniti setempat di Kapar, Klang, selain menyediakan produk berkualiti pada harga kompetitif.

9. Saya juga berharap agar pihak Syarikat akan segera menyempurnakan pemasangan sistem solar PV di bawah Program NEM yang telah dirancang, selain meneruskan usaha menyokong aspirasi peralihan tenaga yang diterajui Kementerian saya.
10. Saya yakin usaha penyediaan kemudahan kepada penduduk setempat atau penerapan inisiatif tenaga lestari oleh pihak Syarikat akan membawa hasil yang positif kepada masyarakat dan negara.
11. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan cawangan ke-6 Best Fresh Mart di Kapar, Klang.

Sekian, terima kasih